

Perbandingan Aspek Psiko-Sosial Pelatih Sebelum dan Selepas Menjalani Program Pemulihan Melalui Terapi Kerja dalam Projek Pertanian

Juliana Rosmidah Jaafar*, Siti Marziah Zakaria, Norulhuda Sarnon, Noordeyana Tambi,
Mohd Nasir Selamat & Faizah Isa

julianarosmida.jaafar@iukl.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti perbezaan aspek-aspek dalam psiko-sosial pelatih di pusat pemulihan sebelum dan selepas mereka menjalani program pemulihan secara terapi kerja dalam projek NBOS 3 AADK. Projek berkenaan melibatkan terapi kerja melalui penglibatan dalam aktiviti pertanian di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC). Empat aspek psiko-sosial yang dikaji adalah ketahanan diri, keyakinan diri, sikap terhadap kerja dan budaya kerja. Kajian ini menggunakan rekabentuk kuantitatif yang menggunakan pendekatan survei. Data diperolehi melalui 78 orang pelatih di lima (5) buah CCRC seluruh Malaysia. Hasil ujian-t mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua aspek psiko-sosial sebelum dan selepas pelatih menjalani rawatan pemulihan secara terapi kerja program NBOS3 AADK. Hasil kajian ini memberikan implikasi bahawa terapi kerja melalui program pertanian dalam kalangan pelatih berpotensi untuk menjadi platform yang memperkukuhkan aspek psiko-sosial dalam kalangan pelatih di pusat pemulihan. Oleh yang demikian, kajian akan datang disarankan agar memberikan tumpuan kepada pelaksanaan terapi kerja dalam program pemulihan penagih dadah di Malaysia.

Kata kunci: terapi kerja, pemulihan, pertanian, psiko-sosial, sikap

Abstract

This paper aims to identify the differences in the aspects of psycho-social among clients at rehabilitation center before and after they participated in work therapy program in NBOS3 AADK. The project involved work therapy through farming program at the *Cure and Care Rehabilitation Center* (CCRC). Four aspects of psycho-social examined in this study are resilience, self-confidence, attitude toward work and work culture. This is a quantitative study using survey approach. The data were obtained through 78 clients at five (5) CCRCs throughout Malaysia. The t-test results showed a significant differences in all aspects of psycho-social before and after clients' participated in the program. The result implies that work therapy through farming program is a potential platform to strengthen the psycho-social aspects among clients in the rehab centre. Therefore future study is recommended to focus on the implementation of the work therapy in the rehabilitation program among drug addicts in Malaysia.

Keywords: work therapy, rehabilitation, farming, psycho-sosial, attitude

PENGENALAN

Strategi Lautan Biru Kebangsaan dirangka untuk menyampaikan program dan perkhidmatan yang berimpak tinggi, berkost rendah dan cepat dilaksanakan. Rancangan Malaysia ke-11 menggunakan strategi ini untuk mencapai matlamat transformasi negara. Dalam Strategi Lautan Biru Kebangsaan, pelbagai kementerian dan agensi bekerjasama untuk melaksanakan strategi kreatif, inovatif dan produktif untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Setakat ini, lebih daripada 90 inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) telah berjaya dilaksanakan untuk menangani pelbagai isu sosial dan ekonomi. NBOS3 telah dilaksanakan oleh Agensi Anti Dadah Malaysia (AADK) untuk membantu para pelatih pulih daripada ketagihan melalui pendekatan terapi kerja. Pelatih terlibat dalam mengusahakan tanah-tanah kerajaan dengan menanam pelbagai jenis sayur-sayuran dan menjalankan penternakan. Ia diusahakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada 1 Disember 2011, projek pertama telah dimulakan di CCRC Dengkil. CCRC Dengkil menjalankan projek tanaman secara terbuka. Ini diikuti oleh CCRC Karangan, CCRC Jelevu, CCRC Muar dan CCRC Gambang. Antara projek pertanian yang diusahakan adalah penanaman *rock melon*, penanaman sayur, penanaman cili secara fertigasi, penanaman kelapa sawit serta penternakan kambing, lembu dan ikan keli.

Objektif utama NBOS3 AADK adalah untuk memulihkan pelatih melalui terapi kerja, mendedahkan pelatih kepada teknik pengurusan perniagaan berasaskan pertanian dan memberi kemahiran dan asas pertanian kepada kakitangan sebagai penyelia projek. Kajian yang akan dilakukan nanti akan memberi fokus kepada pencapaian objektif pertama pelaksanaan NBOS3 iaitu pemulihan melalui terapi kerja. Terapi kerja boleh didefinisikan sebagai satu pendekatan di mana klien akan melaksanakan aktiviti berfaedah atau menjalankan sesuatu tugas dan kerja untuk mencapai matlamat pemulihan (Mosby's Medical Dictionary, 2009). Melalui NBOS3, pelatih akan menjalankan aktiviti pertanian yang ditugaskan kepada mereka. Pelatih akan diajar kemahiran yang baharu dan tugas yang spesifik. Mereka juga akan berpeluang untuk membiasakan diri dengan rutin kerja dan etika kerja. Pelatih akan mendapat insentif berdasarkan kerja yang dilaksanakan. Melalui pendekatan terapi kerja, pelatih akan ditanamkan dengan nilai disiplin, tanggung jawab, amanah dan jujur (Liimatta, 2017). Aktiviti pertanian yang dijalankan merupakan satu latihan fizikal yang baik untuk mereka. Ia akan membiasakan pelatih dengan gaya hidup sihat serta melalui kehidupan yang bermatlamat. Pelatih yang telah menjalani program NBOS3 dijangkakan mempunyai keyakinan diri untuk memulakan pekerjaan nanti atau mereka boleh menjalankan perniagaan berasaskan pertanian.

Kajian-kajian lalu menunjukkan bahawa majoriti penagih dadah yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di pusat-pusat pemulihan di Malaysia berada pada tahap kesediaan untuk berubah yang rendah iaitu *Precontemplation* dan *Contemplation* dan masih kekal pada tahap yang sama apabila dibebaskan (Najwa, Sabitha & Mahmood, 2008; Abdul Halim, 2010). Ini bermakna mereka masih belum membuat keputusan untuk berubah. Tahap-tahap ini menunjukkan bahawa masih banyak lagi yang perlu diperlengkapkan dalam diri pelatih-pelatih di Pusat Pemulihan AADK. Mereka masih tidak mempunyai matlamat yang jelas dalam kehidupan mereka, masih tidak yakin dengan haluan selepas keluar daripada pusat, atau belum bersedia untuk menjalani kehidupan yang normal dalam alam pekerjaan. Oleh itu, terapi kerja melalui penglibatan dalam aktiviti pertanian dijangkakan boleh melengkapkan mereka dengan semua aspek tersebut. Mereka dijangkakan bersedia untuk melalui alam pekerjaan, mempunyai disiplin diri serta matlamat yang jelas, minat untuk bekerja, serta yakin dengan keupayaan diri. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan

membandingkan aspek-aspek dalam psiko-sosial dalam kalangan pelatih sebelum dan selepas menjalani program NBOS3 AADK melalui pendekatan terapi kerja dalam konteks pertanian.

METODOLOGI

Data dalam kertas kerja diperolehi melalui pendekatan kuantitatif yang menggunakan pendekatan survei. Seramai 78 orang pelatih yang terlibat dalam program NBOS3 daripada lima (5) *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) di seluruh negara. Teknik persampel adalah secara bertujuan (*purposive sampling*) di mana ia melibatkan pelatih yang telah mengikuti program NBOS3 sekurang-kurangnya tiga bulan. Ini bagi membolehkan perubahan pandangan pelatih terhadap program ini dikenalpasti. Data diperolehi melalui set soal selidik yang mengandungi lima bahagian (Bahagian A= maklumat latar belakang, Bahagian B = Skala Ketahanan Diri (“boleh fokus dengan apa yang saya lakukan”), Bahagian C = Skala Keyakinan Diri (“yakin untuk berhadapan dengan orang ramai”), Bahagian D = Skala Terhadap Kerja (‘melaksanakan kerja dengan baik’) dan Bahagian E = Skala Budaya Kerja (boleh terima cadangan yang diberikan oleh ketua’). Jumlah keseluruhan item adalah sebanyak 52 item. Pilihan jawapan bagi Bahagian B hingga E adalah 1=sangat tidak benar, 2=tidak benar, 3=benar dan 4=sangat benar. Instrumen kajian ini dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan model dan adaptasi daripada kajian lepas (Ibrahim et al. 2014; Kathryn et al. 2003; White et al. 2003). Data dianalisis berdasarkan pra dan pasca penyertaan pelatih dalam program NBOS3 AADK. Secara keseluruhannya, kebolehpercayaan setiap konstruk pengukuran adalah baik (Jadual 1).

Jadual 1: Pembolehubah Kajian dan Nilai Kebolehpercayaan Item Kajian Pra dan Pasca

Bahagian	Pembolehubah / Dimensi	Jumlah item	Nilai α (Pra)	Nilai α (Pasca)
A	Maklumat demografi pelatih	10	-	-
B	Skala Ketahanan Diri	13	0.840	0.680
C	Skala Keyakinan Diri	7	0.824	0.819
D	Skala Sikap Terhadap Kerja	10	0.876	0.740
E	Skala Budaya Kerja	11	0.889	0.892

KEPUTUSAN

Bahagian ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan latar belakang pelatih dan seterusnya berkaitan perubahan dalam dimensi-dimensi pemboleh ubah.

i. Latar belakang Pelatih dalam Program NBOS3 AADK

Jadual 2 menunjukkan latar belakang klien yang terlibat dalam kajian ini. Klien dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan iaitu telah terlibat dalam projek pertanian NBOS3 AADK sekurang-kurangnya 3 bulan. Mereka juga perlu masih aktif dalam projek berkenaan. Klien yang terlibat berumur antara 16 hingga 51 tahun. Sebahagian besar

daripada mereka berumur antara 21 hingga 40 tahun. Penyelidik juga bertanyakan mengenai umur mereka pada kali pertama mengambil dadah. Sebahagian besar daripada mereka melaporkan umur antara 12-19 tahun (38.5%) dan 20 - 25 tahun (34.6%).

Latar belakang pekerjaan menunjukkan peratusan yang besar, iaitu 28% daripada mereka terlibat dalam bidang perkhidmatan sebelum menyertai CCRC. Contohnya, mereka bekerja sebagai jurujual dan bekerja di sektor-sektor perkhidmatan. Sebahagian besar juga terlibat dalam bidang perniagaan (berniaga sendiri) dan teknikal (seperti mekanik dan juruteknik). Majoriti daripada mereka melaporkan bahawa mereka baru kali pertama dimasukkan ke CCRC berkenaan. Kajian ini telah melibatkan 5 buah CCRC diseluruh Malaysia yang menjalankan projek pertanian NBOS3 AADK iaitu CCRC Jelevu, Karangan, Gambang, Muar dan Kg. Selamat. CCRC Dengkil telah terlibat dalam kajian rintis yang dijalankan sebelum kajian yang sebenar.

Jadual 2: Latar belakang Pelatih

Aspek	Bilangan	Peratus
Umur responden kini:		
16-20 tahun	10	12.8
21- 30 tahun	26	33.3
31-40 tahun	26	33.3
41 -51 tahun	16	20.5
Umur responden pertama kali mencuba dadah:		
12-19 tahun	30	38.5
20-25 tahun	27	34.6
26-30 tahun	11	14.1
31-35 tahun	2	2.6
36-40 tahun	6	7.7
41-45 tahun	1	1.3
46-50 tahun	1	1.3
Pekerjaan Sebelum Masuk ke Pusat Pemulihan dan Rawatan:		
Kakitangan Kerajaan	2	2.6
Kerja sendiri / Perniagaan	18	23.1
Pelajar	1	1.3
Perkhidmatan	22	28.2
Perniagaan	1	1.3
Pertanian	8	10.3
Teknikal/Pertukangan	19	24.4
Tiada Pekerjaan	7	9.0
Kekerapan masuk ke Pusat Pemulihan dan Rawatan:		
1	69	88.5
2	8	10.3
4	1	1.3
Lokasi Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC):		
Jelevu	23	29.5
Karangan	10	12.8
Gambang	5	6.4
Muar	20	25.6
Kampung Selamat	20	25.6

ii. Perubahan Persepsi Dimensi dalam Kalangan Pelatih yang Menjalani Program NBOS3 AADK

Hasil analisis Ujian T mendapati perbezaan skor yang signifikan antara pra dan pasca bagi keempat-empat aspek dalam psiko-sosial pelatih. Bagi dimensi ketahanan diri di antara skor min bagi ujian pra dan pasca [$t(77) = 18.75, p < .05$], keputusan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan skor min bagi ketahanan diri pelatih dalam ujian pra ($M = 27.74, SD = 7.01$) dan ujian pasca ($M = 45.31, SD = 3.96$). Manakala bagi domain keyakinan diri, keputusan ujian-t juga mendapati wujud perbezaan yang signifikan bagi skor ini diantara skor min ujian pra dan ujian pasca [$t(77) = 16.21, p > .05$]. Pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan skor min bagi skor keyakinan diri untuk ujian pra ($M = 14.87, SD = 4.68$) dan ujian pasca ($M = 25.38, SD = 2.78$).

Manakala bagi aspek sikap terhadap kerja, keputusan kajian adalah signifikan iaitu $t(77) = 16.99, p < 0.05$. Ujian- t menunjukkan terdapat perbezaan antara sikap klien terhadap kerja (selepas) ($M = 36.17, S.P = 3.37$) dan sikap klien terhadap kerja (sebelum) ($M = 21.77, S.P = 6.63$). Akhir sekali, dalam dimensi budaya kerja, Keputusan kajian adalah signifikan iaitu $t(77) = 14.13, p < 0.05$. Ujian- t menunjukkan terdapat perbezaan antara budaya kerja klien selepas ($M = 40.97, S.P = 3.71$) dan budaya kerja klien sebelum ($M = 24.59, S.P = 9.10$). Melihat secara terperinci, para pelatih mengamalkan budaya yang baik dalam menjalani pekerjaan mereka seperti menepati masa, berdisiplin, komited, gigih, konsisten, jujur dalam melaksanakan tugas.

Jadual 3 : Perubahan Persepsi Pelatih terhadap Aspek dalam Psiko-Sosial

Dimensi	Min	Sisihan Piawai	t	P
Ketahanan Diri				
Pra	27.74	7.01	18.75	.000
Pasca	45.31	3.96		
Keyakinan Diri				
Pra	14.87	4.68	16.21	.000
Pasca	25.38	2.78		
Sikap terhadap Kerja				
Pra	36.17	3.77	16.99	0.000
Pasca	21.77	6.63		
Budaya Kerja				
Pra	40.97	3.71	14.13	0.000
Pasca	24.59	9.10		

PERBINCANGAN

Umum mengetahui bahawa peningkatan statistik kes-kes penyalahgunaan dadah amat membimbangkan pada masa kini, dan lebih membimbangkan apabila golongan belia yang sepatutnya menjadi peneraju kemajuan dan kesejahteraan negara ini adalah golongan yang paling ramai terlibat dengan kes ini. Dengan wujudnya pusat-pusat pemulihan yang diusahakan oleh kerajaan, sedikit sebanyak dapat membantu golongan penagih yang sudah tersasar jalan mendapatkan dan pemulihan ketagihan dadah. Terapi kerja merupakan salah

satu projek yang dilaksanakan untuk memulihkan pelatih, di samping memberi pendedahan terhadap teknik pengurusan perniagaan dan kemahiran asas yang berasaskan pertanian. Pendekatan ini membolehkan pelatih melaksanakan aktiviti berfaedah atau menjalankan sesuatu tugas dan kerja untuk mencapai matlamat pemulihan (Mosby's Medical Dictionary, 2009).

Hasil analisis mendapati, pendekatan terapi kerja yang diimplikasikan hasil daripada aspirasi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS3) yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan dadah yang terpilih mampu memberikan peningkatan aspek psikologikal yang positif dalam kalangan pelatih yang diberikan intervensi terapi kerja ini. Perbezaan signifikan dilaporkan antara skor pra dan pasca intervensi terapi kerja diberikan terhadap ketahanan diri para pelatih. Pengkaji mendapati bahawa pendekatan terapi kerja ini telah meningkatkan ketahanan diri para pelatih. Ini merupakan salah satu impak positif yang diharapkan, kerana ketahanan diri merupakan elemen penting yang memberikan sokongan serta kekuatan kepada para pelatih untuk mengelakkan diri daripada kembali terjerumus ke kancah penyalahgunaan dadah semula. Ketahanan diri juga membantu para penagih untuk megurangkan risiko relaps selepas tamat tempoh pemulihan dan kembali dibebaskan kelak (Shivvy et al. 2007).

Dalam konteks latar belakang, dapatan kajian ini mendapati majoriti pelatih di Pusat Pemulihan dan Rawatan adalah dalam lingkungan 21 hingga 40 tahun. Manakala dari segi usia mencuba dadah, didapati kebanyakan pelatih telah mencubanya seawal usia belasan tahun. Setara dengan hasil kajian oleh Gilman (2015) yang mendapati bahawa umumnya individu mencuba tindakan berisiko, terutamanya dadah di peringkat fasa usia belasan. Selain itu, turut didapati bahawa pelatih di pusat-pusat pemulihan berkenaan mempunyai latar belakang pekerjaan yang pelbagai, merangkumi pekerjaan sendiri, pertanian, teknikal, kakitangan swasta sehingga ke status sebagai pelajar.

Dapatan kajian ini turut mendapati bahawa semua aspek dalam psiko-sosial yang dikaji menunjukkan perubahan yang signifikan kepada pelatih selepas mereka menjalani program NBOS3. Bagi ketahanan diri, dapatan kajian mendapati bahawa pelatih dalam program NBOS3 AADK menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi aspek berkenaan. Berbanding dengan keadaan sebelum mengikuti program NBOS3, di dapati bahawa pelatih boleh memberikan fokus kepada apa yang dilakukan, merasakan hidup mereka lebih bermakna serta mempunyai matlamat hidup. Ini berikutan dalam program NBOS3 berkenaan, pelatih didedahkan dengan perancangan dan pelaksanaan dalam pertanian. Penagih dadah yang diberikan peluang untuk membuat perancangan dan pelaksanaan dalam sesuatu projek semasa berada dalam tempoh program pemulihan, berupaya membina nilai dalaman mereka. Tambahan, dalam aktiviti yang melibatkan tugas secara berkumpulan dalam menjayakan sesuatu perkara, pelatih akan mendapat lebih banyak sokongan sosial daripada jaringan sosial mereka, yang mana keadaan ini akan membawa kepada ketahanan mental.

Peningkatan skor ketahanan diri pelatih yang mengikuti intervensi menggunakan pendekatan terapi kerja ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Roessler (2010). Pendekatan terapi kerja diyakini mampu membantu pelatih untuk lebih peka terhadap keperluan psikologikal diri mereka sendiri seperti ketahanan diri seterusnya membantu mereka untuk kekal positif demi kepulihannya sepanjang hayat yang ingin dicapai. Pengkaji mendapati bahawa pendekatan terapi kerja ini dilaksanakan dengan memberikan latihan serta bimbingan kepada para pelatih untuk melaksanakan kerja-kerja pertanian seterusnya mempromosikan hasil pertanian tersebut melalui perniagaan berasaskan pertanian. Bimbingan dan sokongan yang diberikan oleh pembimbing secara tidak langsung

memberikan satu jalinan sokongan sosial yang baik antara pembimbing dan pelatih. Hal ini membantu mengurangkan pemikiran negatif dalam diri pelatih yang mungkin mempunyai prasangka terhadap diri mereka sendiri berdasarkan stigma negatif masyarakat terhadap status mereka sebagai seorang penagih dadah. Keprihatinan dari pembimbing program yang terdiri daripada masyarakat luar ini boleh membantu golongan penagih untuk kembali menagih dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Mohd Azlan & Mahmood Nazar, 2009).

Selain itu, dalam konteks keyakinan diri, pelatih dalam NBOS3 dilihat mempunyai nilai keyakinan diri yang lebih baik selepas menyertai program berkenaan. Pelatih dengan keyakinan diri yang tinggi berupaya berhadapan dengan cabaran sama ada dari dalam diri mereka sendiri, jaringan sosial mahupun persekitaran kerja. Bagi mereka yang yakin dengan diri sendiri, umumnya mereka mempunyai emosi dan persepsi yang positif. Individu yang mempunyai persepsi yang positif bukan sahaja terhadap diri sendiri mahu pun persekitaran akan mempunyai nilai dalaman seperti keazaman dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Semua nilai yang positif ini dilihat mempunyai peranan yang penting dalam konteks produktiviti kerja. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Srivastava dan Tang (2015) individu yang mempunyai minat dan keazaman yang tinggi untuk mejayakan sesuatu kerja, akan cuba mengatasi keadaan berkenaan melalui strategi daya tindak tertentu. Manakala bagi pelatih yang tidak mempunyai pengetahuan atau pendedahan terdahulu terhadap aktiviti pertanian, minat terhadap projek NBOS3 merupakan satu perkara yang boleh dibina melalui sokongan sosial memandangkan ia berupaya memupuk keyakinan diri pelatih.

Aspek ini juga dianggap penting bagi memastikan golongan pelatih ini yakin untuk kembali berinteraksi dengan masyarakat dengan lebih tabah menangani cabaran yang mungkin akan datang daripada pengaruh negatif akibat pengalaman yang lalu (Muhd Rashid & Muhd Fai'z, 2011). Keyakinan diri dianggap konsep penting dalam membantu proses pemulihan penagihan dadah, dimana aspek ini dapat mengurangkan sikap kebergantungan dengan dadah, seterusnya membantu golongan bekas penagih untuk terus menghindari dadah (Sapkota et al., 2017) bagi memastikan golongan ini mencapai kepulihan dadah sepanjang hayat.

Pendekatan terapi kerja yang diberikan sepanjang tempoh pemulihan di CCRC secara tidak langsung mewujudkan interaksi sosial yang sihat dalam kalangan pelatih CCRC serta golongan pembimbing mereka. Sokongan padu seumpama ini membantu untuk meningkatkan keyakinan diri pelatih, terutamanya dari aspek emosi dan juga pembinaan semangat mereka (Nen et al. 2017). Pengkaji turut mendapati, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan pelatih sepanjang proses terapi kerja diberikan juga sedikit sebanyak membantu mereka membentuk keyakinan diri serta membina kekuatan diri yang teguh dan tidak mudah mengalah terutamanya apabila mencuba sesuatu yang boleh dianggap baru ini. Aspek tanggungjawab yang dipupuk dalam diri golongan pelatih ini dianggap boleh membantu mereka lebih bersemangat dan yakin untuk berubah dan bebas daripada pengaruh penyalahgunaan dadah (Nen et al. 2017). Sokongan sosial yang diperolehi oleh golongan pelatih sepanjang terapi kerja diberikan mampu menyumbang kepada perkembangan positif dalam diri mereka. Sokongan serta pengalaman yang berkaitan dengan penghargaan, perhatian serta sokongan yang di peroleh sepanjang menjalani terapi kerja mampu meningkatkan tingkah laku mengelakkan diri daripada pengaruh dadah (Ghani et al. 2015).

Dapatan kajian ini turut mendapati bahawa sikap terhadap kerja dalam kalangan pelatih turut meningkat selepas mereka terlibat dalam program NBOS3. Bagi pelatih, selepas menjalani program ini sekurang-kurangnya tiga bulan, didapati bahawa mereka beranggapan

bahawa mereka mempunyai matlamat kerja yang lebih baik, di mana jadual harian mereka adalah lebih terisi dengan pelaksanaan dalam aktiviti pertanian. Dalam masa yang sama juga, didapati bahawa pelatih turut mempunyai pandangan yang lebih baik dalam konteks rezeki melalui pertanian. Ini berikutan mereka terlibat dalam aktiviti pertanian bermula daripada peringkat awal (penanaman biji benih) sehingga ke peringkat tuaian. Dalam masa menjalankan aktiviti pertanian berkenaan, cabaran seperti cuaca dan serangan serangga perosak turut dihadapi. Namun, bagi pelatih dalam kajian ini, di dapati bahawa sikap kerja mereka yang positif mencadangkan bahawa mereka berupaya mengatasi cabaran berkenaan. Keadaan berkenaan selari dengan pandangan Brinol et al. (2017) yang beranggapan bahawa individu yang diberikan peluang untuk mencuba aktiviti baharu akan mempunyai sikap yang lebih positif apabila sesuatu cabaran dapat diatasi.

Bagi budaya kerja dalam kajian ini, ia menjurus kepada aspek-aspek seperti kerjasama, mematuhi arahan dan masa, disiplin dan kesediaan menerima teguran. Dapatan kajian mendapati bahawa pelatih mempunyai nilai budaya yang positif selepas menjalani program NBOS3. Bagi pelatih-pelatih berkenaan, perancangana yang dibuat semasa melaksanakan program pertanian perlu mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti disiplin masa memandangkan kerja-kerja penanaman dan tuaian mempunyai had masa tersendiri. Oleh yang demikian, perancangan dalam aspek pertanian ini bukan hanya berkaitan pengurusan masa individu tetapi juga perlu mengambil kira aspek persekitaran kerja. Bagi pelatih dalam kajian ini juga, di dapati bahawa hubungan dengan jaringan sosial mereka yang merangkumi pelatih dan pegawai pelaksana juga memainkan peranan dalam budaya kerja. Melalui hubungan yang baik dalam jaringan sosial, kerjasama dalam kumpulan dapat dipertingkatkan dan ia akan menyumbang kepada persekitaran kerja yang positif. Dalam erti kata lain, pelatih yang mempersepsikan pesekitaran pusat pemulihan mereka sebagai kondusif berupaya membantu mereka meningkatkan nilai diri dengan lebih positif.

Kajian lalu mengemukakan faktor-faktor yang menyebabkan para pelatih terus terlibat dengan bidang pekerjaan (Mohd Azlan & Mahmood Nazar, 2007). Program pemulihan dadah ini dikatakan boleh memberi impak kepada pelatih untuk terus berjuang bagi mendapatkan pekerjaan. Antara faktor utama yang menjadi pengaruh kepada para pelatih untuk mendapatkan pekerjaan ialah faktor psikologikal, iaitu merujuk kepada aspek seperti nilai diri individu, aspek keperluan asas, kepercayaan terhadap hasil kerja dan aspek berkaitan dengan pencapaian akademik pelatih. Sebagai contoh, terdapat individu yang memiliki keyakinan besar dalam mengharungi cabaran sebagai seorang bekas pelatih pusat pemulihan dadah dan mampu untuk berhadapan dengan stigma masyarakat luar terhadap dirinya. Keadaan ini serba sedikit mendorong individu ini untuk terus kekal mencari pekerjaan dan mengekalkan pekerjaan sekiranya ada tanpa mempedulikan pandangan pihak lain. Selari dengan hasil kajian Hergenrather (2004) yang mendapati 85 peratus individu percaya bahawa dengan bekerja akan memberi hasil yang positif kerana ia mempunyai nilai kepada kehidupan. Namun, bagi individu yang gagal mengawal diri dengan kekangan faktor psikologikal ini, mungkin akan mendedahkan mereka kepada *relapse* atau kembali menagih mengambil bahan terlarang.

Selain itu, faktor sosio-ekonomi juga dikatakan menjadi faktor penyebab kepada para lepasan pelatih ini memperoleh pekerjaan. Antaranya termasuklah faktor kekeluargaan, rakan sebaya, masyarakat sekeliling, dan keadaan ekonomi. Sebagai contoh, sokongan ahli keluarga adalah amat perlu untuk pelatih agar kesinambungan mereka untuk menjalani kehidupan normal menjadi lebih baik. Kajian oleh Nor Azri et al. (2015) mendapati ahli

keluarga memainkan peranan dalam menentukan masa depan penagih dadah untuk terus berhadapan dengan persekitaran sosial dan masyarakat.

Melihat daripada perspektif negatif pula, sekiranya faktor ekonomi seperti kekurangan peluang pekerjaan disebabkan perkembangan ekonomi yang tidak mengizinkan dan kekurangan kemahiran bekas pelatih, ia akan mendedahkan golongan yang tiada pekerjaan ini untuk kembali mengambil bahan terlarang. Oleh itu, kepentingan untuk menyediakan para pelatih ini dengan pelbagai kemahiran dan ilmu sebenarnya mampu membantu mereka. Sterling (2001) menyatakan bahawa pendidikan atau latihan ke atas pelatih untuk mereka mendapatkan pekerjaan yang baik adalah amat perlu agar peluang mendapatkan pekerjaan lebih terbuka luas. Hal ini akan menjadikan penagihan semula dapat dielakkan berlaku dan seterusnya tidak memberi kesan buruk kepada individu pelatih tersebut.

Kajian oleh Mahmood, Ismail Ishak dan Noor Azniza Ishak (2003) mengatakan bahawa penagih dadah bukan sahaja perlu dipulihkan daripada masalah penagihan dadah malah perlu diberi latihan dalam bidang kemahiran untuk membantu mereka berkecimpung dalam pelbagai bidang pekerjaan apabila tamat tempoh pemulihan. Pendidikan perlu diberikan seawal peringkat umur lagi yang turut melibatkan golongan penagih bawah umur agar mereka sedar keburukan dan masalah yang bakal dihadapi sekiranya terus bergelumang dengan bahan terlarang ini (Qiu Ting Chie et al. 2015). Dapatan ini selaras dengan asas program NBOS3 yang telah dilaksanakan oleh AADK iaitu bertujuan untuk membantu para pelatih pulih daripada ketagihan melalui pendekatan terapi kerja.

Program NBOS3 dikatakan boleh memupuk budaya kerja yang baik seperti boleh dipercayai, menepati masa, gigih serta boleh menerima arahan. Budaya ini lebih penting daripada kemahiran teknikal seperti kemahiran IT, kemahiran menternak, kemahiran mengurus dan sebagainya. Pelatih diberi peluang untuk bekerja di dalam bidang pertanian yang mana para pelatih didedahkan dengan pelbagai kemahiran pertanian. Pelatih perlu sedar bahawa kerja yang dilaksanakan adalah tanggungjawab ke atas mereka. Oleh itu, mereka perlu melaksanakannya dengan penuh amanah. Mereka juga perlu menjaga peralatan pertanian dan kemudahan yang disediakan agar kesinambungan kerja yang dilakukan membuahkan hasil yang baik.

Hasil kajian ini memberikan implikasi bahawa terapi kerja sebagai satu platform untuk pemupukan nilai dalaman yang positif semasa penagih dadah menjalani program pemulihan. Ia merupakan sesuatu yang signifikan sebagai persediaan mereka apabila tamat menjalani program rehabilitasi. Ini adalah kerana cabaran dalam masyarakat dilihat sebagai satu bentuk cabaran utama bagi bekas penagih dadah berikutan mereka bukan sahaja perlu berhadapan dengan stigma negatif tetapi juga melibatkan penerimaan semula masyarakat terhadap golongan berkenaan. Memandangkan terapi kerja mempunyai potensi yang baik dalam program pemulihan penagih dadah, maka kajian akan datang perlu mempertimbangkan untuk mengenalpasti keberkesanan program berkenaan selepas pelatih keluar daripada pusat pemulihan. Melalui kajian berkenaan, maka program pemulihan jangka panjang untuk merawat penagih dadah di negara ini dapat dibangunkan.

RUMUSAN

Peluang vokasional yang diberikan oleh CCRC kepada pelatih ini juga sedikit sebanyak membantu mengurangkan kerisauan para pelatih dengan isu pengangguran selepas tamat

tempoh pemulihan. Umum mengetahui bahawa golongan bekas penagih ini telah dilabelkan sebagai golongan yang tidak baik dan sukar untuk ditawarkan dengan sebarang pekerjaan. Masalah ketiadaan pekerjaan merupakan cabaran yang besar dalam kalangan penagih, dan keadaan ini mencabar daya ketahanan diri bekas penagih untuk terus bebas daripada pengaruh penyalahgunaan dadah. Melalui latihan yang mereka terima sepanjang tempoh latihan ini dianggap boleh membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berasaskan pertanian dengan kemahiran yang mereka perolehi semasa di dalam pusat pemulihan. Berdasarkan latihan kemahiran seumpama ini, sedikit sebanyak mampu membantu golongan bekas pelatih mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian daripada orang lain, atau mereka sendiri boleh mencipta pekerjaan mereka sendiri berasaskan pertanian, dengan menggunakan kemahiran yang mereka telah perolehi selama berada di dalam pusat pemulihan. Pendekatan terapi kerja ini juga didapati mampu memupuk kerjasama dana dalam kalangan pelatih. Ringkasnya, pendekatan terapi kerja boleh dianggap sesuatu yang positif dan memberikan banyak faedah dari segi nilai dalaman, di mana pendekatan ini mampu mewujudkan persekitaran pemulihan yang lebih baik serta memupuk aspek-aspek psikologi yang positif dalam kalangan pelatih.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah menggunakan peruntukan daripada dana Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM) yang diketuai oleh Dr. Siti Marziah Zakaria, Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor Darul Ehsan. Penghargaan terima kasih ditujukan kepada pihak di Pusat Rawatan dan Pemulihan serta informan kajian dan individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Halim Mohd Hussin (2010). Counselor competency, self-efficacy, and inmates' readiness to change in drug abuse treatment and rehabilitation centers in Malaysia. Doctor of Philosophy's Dissertation, UiTM: Unpublished work.
- Brinol, P., Petty, R. E., & Belding, J. (2017). Objectification of people and thoughts: An Attitude change perspective. *British Journal of Social Psychology*, 56(2), 233-249.
- Hergenrather, K.C. (2004). Employment-Seeking Behavior of Persons With HIV/AIDS: A Theory-Based Approach. *Journal of Rehabilitation*, Oct-Dec.
- Ibrahim, F., Zakaria, E., Nen, S., Sarnon, N., & Saim, N. J. (2014). Pengguna Dadah Wanita Di Malaysia: Pengalaman Penagihan dan Hubungan Kekeluargaan. *Sains Humanika*, 67(1).
- Ghani, N. A., Chik, W. M. Y. W., Abdullah, B., & Ghazalli, F. S. M. (2015). Social Support For the HIV/AIDS Community: A Case Study of Komuniti Cakna Terengganu (KCT), Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(1 S1), 232.

- Gilman, Jodi. "Cannabis use in young adults: challenges during the transition to adulthood." *Psychiatric Times* 32, no. 12 (2015): 15-15.
- Kathryn M. Connor, M.D., and Jonathan R.T. Davidson, M.D (2003). Development of a New Resilience Scale: the Connor-Davidson Resilience Scale (CD-RISC). *Depression and Anxiety* 18: 76-82.
- Liimatta, M. (2017). *Work Therapy in Recovery Programs*. Alcoholics Victorious. Dipetik daripada <https://alcoholicsvictorious.org/library/Work-Therapy> pada 27 April 2017.
- Mahmood, N.M., Ismail Ishak & Noor Azniza Ishak (2003). *Program Pemulihan Luar Institusi Untuk Penagih Dadah*. UUM: Sintok.
- Mohd Azlan & Mohmood Nazar (2009). Faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN). *Journal Antidadah Malaysia*, 5(1), 1–29.
- Mosby's Medical Dictionary (2009). Retrieved April 27 2017 from <http://medical-dictionary.thefreedictionary.com/worktherapy>
- Muhd Rashid, R. & Muhd Fa'iz, A. (2011). Pengharapan Pelatih Pusat Serenti Terhadap Latihan Vokasional Di Pusat Serenti Tampoi Johor. *Journal of Educational and Counseling*, 2(2011): 209-243.
- Najwa M. R., Sabitha M. & Mahmood N. M. (2008). Motivasi untuk berubah di kalangan wanita yang bergantung kepada dadah yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dadah dalam institusi. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 3: 235- 277.
- Nen, S., Ibrahim, F., Zakaria, E., Sani, M. N. M., & Saim, N. J. (2017). Tahap Keyakinan Diri Bekas Penagih Dadah dalam Pengawasan di Malaysia: Ke Arah Kepulihan Menyeluruh. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(1).
- Nor Azri Ahmad, Rozmi Ismail, Fauziah Ibrahim, Salina Nen. (2015). Individual, Family and Social Environmental Factors Influencing the Involvement of Adolescents in Substance Abuse. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 9 (1).
- Qiu Ting Chie, Cai Lian Tam, Gregory Bonn, Chee Piau Wong, Hoang Minh Dang, and Rozainee Khairuddin. (2015). Drug abuse, relapse, and prevention education in Malaysia: perspective of university students through a mixed methods approach. *Psychiatry*, 6 (65).
- Roessler K.K. (2010). Exercise Treatment for Drug Abuse - A Danish Pilot Study. *Scand J Public Health*. 38(2010): 664-669
- Sapkota, S., Khadka, A., & Akela, G. (2017). Contributing factors to relapse of drug addiction among clients attending rehabilitation centres of Dharan, Nepal. *Journal of Chitwan Medical College*, 6(3), 20-25.

- Shivy, V. A., Wu, J. J., Moon, A. E., Mann, S. C., Holland, J. G., & Eacho, C. (2007). Ex-Offenders Reentering the Workforce. *Journal of Counseling Psychology, 54*(4), 466–473.
- Srivastava, R., & Tang, T. L. P. (2015). Coping intelligence: Coping strategies and organizational commitment among boundary spanning employees. *Journal of Business Ethics, 130*(3), 525-542.
- Sterling, R. C. (2001). Correlates of Employment: A Cohort Study. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse.*
- White, J. M., Montgomery, M. J., Wampler, R. S., & Fischer, J. L. (2003). Recovery from alcohol or drug abuse: The relationship between identity styles and recovery behaviors. *Identity: An International Journal of Theory and Research, 3*(4), 325-345.